

Tiga lagi lelaki dicari bantu siasatan kes membabitkan dua wanita Switzerland

# Perogol pelancong direman

Kosmo 15/5/12 ms 11

Oleh JULIA ISMAIL

Julia.ismail@kosmo.com.my

**KOTA BHARU** - Seorang remaja berumur 18 tahun direman seminggu bagi membantu siasatan berhubung kejadian cabul dan rogol melibatkan dua pelancong Switzerland yang baru tiba ke negeri ini pada Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Azham Othman berkata, suspek ditahan reman bermula semalam sehingga 20 Mei ini bagi disiasat mengikut Seksyen 354/376 Kanun Keseksaan iaitu cabul dan rogol selepas ditahan pada pukul 5 petang kelmarin.

"Suspek merupakan seorang penganggur ditahan di sebuah rumah banglo di Taman Intan, Lundang yang juga dipercayai menjadi lokasi dua wanita Switzerland itu dirogol dan seorang lagi dicabul," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, hasil soal siasat terhadap remaja itu, polis menegas tiga lagi lelaki yang terlibat dalam kejadian tersebut.

"Polis sudah mengenal pasti ketiga-tiga suspek dan menasihati



**PENANGGUR** direman tujuh hari untuk membantu siasatan kes cabul dan rogol pelancong Switzerland.

kan mereka menyerah diri untuk membantu siasatan," kata beliau.

Dalam kejadian pada pukul 2.20 petang Rabu lalu, kegembiraan dua wanita Switzerland yang datang ke negara ini untuk bercuti bertukar menjadi episod hitam selepas salah seorang daripada mereka dirogol

manakala seorang lagi dicabul.

Kejadian tersebut berlaku ketika kedua-dua mangsa yang berusia 25 tahun itu baru tiba di bandar ini selepas menghabiskan percutian di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

Mereka mendakwa dirogol dan dicabul selepas menerima pelawaan seorang lelaki yang menunggang motosikal dan menawarkan bantuan untuk menghantar mereka ke sebuah agensi pelancongan di sini.

Bagaimanapun, kedua-dua mangsa itu bukan dibawa ke agensi pelancongan sebaliknya mereka dibawa ke sebuah rumah banglo.

Semasa di rumah banglo itu, salah seorang mangsa dirogol manakala mangsa kedua mendakwa dicabul oleh dua lelaki yang memaksanya berbojol.

Mangsa kedua tidak dirogol kerana semasa kejadian dia didatangi haid.

Kedua-dua pelancong itu hanya terlepas daripada perbuatan keji ketiga-tiga lelaki itu selepas seorang wanita dipercayai ibu kepada seorang suspek pulang ke banglo itu.